

**Agong Dan Raja Permaisuri Berangkat Ke Majlis Pertandingan Bunga Api Antarabangsa Bernama
31 Ogos, 2013**

PUTRAJAYA, 31 Ogos (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah berkenan berangkat ke majlis Pertandingan Bunga Api Antarabangsa Putrajaya 2013 di Marina Putrajaya di sini Sabtu malam.

Ketibaan baginda berdua disambut oleh Presiden Perbadanan Putrajaya Tan Sri Aseh Che Mat.

Terdahulu baginda berdua melawat pameran 'Raksasa dan Dinosaur' di lokasi yang sama yang dibuka mula hari ini hingga 28 Febuari tahun depan.

Pertandingan bunga api yang masuk hari kedua malam ini dijalankan secara berperingkat dan akan disusuli lagi pada 13, 14 dan 15 Sept serta 2 Okt depan.

Malam ini giliran pasukan dari Korea Selatan mempersembahkan pertunjukkan mereka selama 25 minit.

Malam tadi Malaysia mempamer persembahan mereka.

Selain Malaysia dan Korea Selatan, empat negara lain turut menyertai pertandingan iaitu Perancis, China, Amerika Syarikat dan Emiriah Arab Bersatu.

Pertunjukan bunga api yang turut diiringi alunan muzik diadakan bagi memeriahkn lagi sambutan kemerdekaan negara yang ke-56.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=974204>